



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

***MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)* ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON MUET TAHUN 2026**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BANDAR BARU SELAYANG**

TARIKH KEMAS KINI: 30 MAC 2026

**ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON
MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
TAHUN 2026**

Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon MUET ini mengandungi maklumat yang berikut:

- 1 Syarat kelayakan untuk menduduki ujian MUET
- 2 Tempoh sah laku keputusan ujian MUET
- 3 Komponen ujian MUET
- 4 Bayaran untuk menduduki ujian MUET
- 5 Cara pendaftaran calon ujian MUET
 - 5.1 Calon sekolah/institusi
 - 5.2 Calon Persendirian Individu
- 6 Calon Berkeperluan Khas (CBK)
- 7 Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)
- 8 Tarikh pendaftaran dan tarikh ujian MUET
- 9 Angka giliran calon dan pusat ujian MUET
- 10 Slip Daftar MUET (MUET/D)
- 11 Pembetulan maklumat calon
- 12 Perpindahan menumpang pusat ujian MUET
- 13 Pertukaran tarikh ujian *speaking*
- 14 Penarikan diri
- 15 Keputusan ujian MUET
- 16 Sijil MUET secara dalam talian (e-Sijil)
- 17 Rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET
- 18 Kehilangan Sijil MUET

TERHAD

1 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki ujian MUET.

2 TEMPOH SAH LAKU KEPUTUSAN UJIAN MUET

Tempoh sah laku keputusan ujian MUET ialah **lima tahun** mulai dari tarikh keputusan ujian MUET dikeluarkan.

3 KOMPONEN UJIAN MUET

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MUET meliputi **empat komponen** seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas
800/1	<i>Listening</i> (50 minit)
800/2	<i>Speaking</i> (30 minit)
800/3	<i>Reading</i> (75 minit)
800/4	<i>Writing</i> (75 minit)

- * Maklumat lanjut sila rujuk Sukatan Pelajaran MUET (*Regulations And Test Specifications* dan *Sample Questions*) yang dapat diperolehi melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <https://www.mpm.edu.my>.

4 BAYARAN YURAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

4.1 Bayaran yuran untuk menduduki ujian MUET adalah seperti yang berikut:

Calon Warganegara	: RM150.00
Calon Bukan Warganegara	: RM350.00

4.2 **Calon Sekolah dan Calon Institusi melalui SUP/Penyelaras** dikehendaki membuat pendaftaran dan bayaran menggunakan **perbankan internet** secara dalam talian di pautan <https://muet.mpm.edu.my> atau melalui portal MPM <https://www.mpm.edu.my>.

4.3 Bagi **Calon Institusi**, Penyelaras MUET mempunyai pilihan untuk mendaftarkan calon mereka seperti yang berikut:

(a) Memuat naik senarai nama calon mengikut format Excel yang ditetapkan ke dalam sistem pendaftaran MPM di pautan <https://muet.mpm.edu.my> dan membuat bayaran secara dalam talian di portal MPM.

(b) Memuat naik senarai nama calon mengikut format Excel yang ditetapkan ke dalam sistem pendaftaran MPM di pautan <https://muet.mpm.edu.my>, memohon bayaran secara pukal serta menghantar senarai nama calon mengikut format pdf melalui e-mel ke fauzims@mpm.edu.my. Pihak MPM akan mengeluarkan invoice kepada pihak institusi **dua minggu** selepas tarikh tutup pendaftaran.

4.4 Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)** untuk rujukan calon selepas selesai pendaftaran secara dalam talian.

5 CARA PENDAFTARAN CALON UJIAN MUET

5.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran **calon sekolah/calon institusi** dibuat secara dalam talian oleh Setiausaha Peperiksaan MUET (SUP MUET) melalui portal MPM <https://www.mpm.edu.my> atau pautan terus di <https://muet.mpm.edu.my>. Pendaftaran bagi calon institusi, Penyelaras MUET yang telah mendaftar pukal dalam talian boleh menghantar senarai nama calon mengikut format PDF ke MPM untuk tujuan pengeluaran invoice. Pihak MPM akan mengeluarkan invoice kepada pihak institusi **dua minggu** selepas senarai nama dihantar ke MPM.

TERHAD

- (b) Pembayaran lewat hanya dibuka dalam tempoh **lima hari** dari tarikh tutup pendaftaran dan akan dikenakan caj RM70.00. Calon sekolah/institusi yang telah mendaftar tetapi membuat pembayaran selepas tarikh tutup pendaftaran turut akan dikenakan caj RM70.00. Pendaftaran calon akan dibatalkan dan MUET/D tidak akan dikeluarkan sekiranya pembayaran belum dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (c) Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP, JPN) hendaklah terlebih dahulu mengemaskinikan maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat ujian sebelum pendaftaran dibuka dengan merujuk tarikh-tarikh penting. Rujuk halaman 11.
- (d) Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama SUP/penyelaras MUET sekolah/institusinya kepada SPP, JPN dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD).
- (e) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara dalam talian di peringkat daerah kepada semua SUP/penyelaras MUET sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh PPD.
- (f) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon ujian MUET untuk sekolah/institusi melalui portal MPM.
- (g) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan **Nama Pengguna** dan **Kata Laluan** daripada SPP, JPN untuk log masuk ke dalam sistem pendaftaran dalam talian ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan untuk memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** di <https://muet.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon "Sekolah/Institusi" untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (h) Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP/Penyelaras MUET untuk menguruskan pendaftaran sekolah/institusinya dengan mengambil tindakan yang berikut:
 - (i) Mengemaskini maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran dalam talian.
 - (ii) Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusinya yang ingin menduduki MUET.
 - (iii) Mengenal pasti calon berkeperluan khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain. **Calon buta atau rabun ini mesti didaftarkan pada urutan pertama dan seterusnya** bagi memudahkan MPM menyediakan kertas soalan Braille/Cetakan Besar untuk ujian *Speaking* pada **booklet sidang 1, hari pertama ujian speaking di pusat ujian calon tersebut**.
 - (iv) Membuat permohonan bagi mendapatkan kemudahan dan keistimewaan sebagai CBK seperti tindakan pada **para 6**.
 - (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) seperti ejaan nama, nombor pengenalan diri, dan maklumat lain yang tercatat pada MUET/PP adalah betul, dan mengemaskinikannya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum sistem pendaftaran ditutup. MUET/PP ini boleh digunakan sebagai **bukti pendaftaran telah dibuat** bagi menuntut Slip Daftar MUET (MUET/D) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D). **Tiada MUET/PP bermaksud pendaftaran calon tersebut tidak berjaya/tidak lengkap**.
 - (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum membuat pengesahan secara dalam talian.

TERHAD

- (vii) Menyemak MUET/D bagi calon sekolah/institusinya dan **menyediakan buku rekod** penyemakan MUET/D oleh calon.
- (viii) Memaklumkan ke SPP, JPN atau MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) di talian 03-61261661/1665 atau e-mel ke muet@mpm.edu.my dengan kadar **SEGERA**, jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan MUET/D (maklumat calon sekolah/institusinya tercicir).
- (ix) Calon sekolah/institusi dikehendaki melayari aplikasi Calon Sekolah/Institusi di <https://mympmapp.mpm.edu.my> untuk urusan/tindakan selanjutnya berkaitan Ujian MUET.

5.2 Calon Persendirian Individu

- (a) Pendaftaran **Calon Persendirian Individu** dibuat secara **dalam talian** melalui portal MPM <https://www.mpm.edu.my> atau pautan terus di <https://muet3.mpm.edu.my>.
- (b) Pembayaran lewat hanya dibuka dalam tempoh lima hari selepas tarikh tutup pendaftaran dan dikenakan caj pendaftaran lewat sebanyak RM70.00.
- (c) Calon Persendirian Individu dikehendaki merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** di <https://muet3.mpm.edu.my> dan juga **Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon** untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (d) Pusat ujian untuk Calon Persendirian Individu adalah **terhad**. Oleh yang demikian, calon dikehendaki membuat pendaftaran dengan kadar segera sebaik sahaja pendaftaran dibuka.
- (e) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran tetapi **ketetapan adalah tertakluk kepada SPP, JPN**. SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (f) Bagi CBK dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan juga mendaftar secara dalam talian, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 6**.
- (g) Calon Persendirian Individu dikehendaki untuk **subscribe channel Telegram MUET rasmi** bagi sesi masing-masing bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung MUET. *Url* bagi *channel* Telegram akan dicatatkan pada MUET/PP bagi setiap sesi. Sila rujuk **para 7** untuk maklumat berhubung MUET/PP.
- (h) MPM tidak akan bertanggungjawab sekiranya calon gagal menduduki MUET sekiranya calon tidak mendapatkan maklumat terkini daripada portal dan Facebook rasmi MPM, serta *channel* Telegram MUET rasmi.

6 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

- 6.1 CBK dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM selewat-lewatnya 30 hari selepas tarikh pendaftaran ditutup.

TERHAD

- 6.2 Maklumat tentang ketidakupayaan dan keistimewaan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta)**, iaitu **MUET/C5 (Pindaan 2024)** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa**, iaitu **MUET/C6 (Pindaan 2024)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua/Ketua Jabatan (jika calon sekolah/institusi).
- 6.3 Kemudahan dan keistimewaan yang boleh diberikan kepada calon CBK hanya akan dipertimbangkan jika borang MUET/C5 (Pindaan 2024) atau MUET/C6 (Pindaan 2024) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM. Kelewatan penghantaran borang tersebut akan menyebabkan calon tidak akan mendapat kemudahan dan keistimewaan yang sepatutnya.
- 6.4 Pegawai Meja MUET, SPP JPN hendaklah mengumpulkan borang MUET/C5 (Pindaan 2024) atau MUET/C6 (Pindaan 2024) yang diterima daripada Calon Persendirian Individu dan menghantar borang tersebut ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian SPM dan MUET**) dan salinan ke SPP, JPN (u.p. **Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah**).

Untuk mendapatkan borang **MUET/C5 (Pindaan 2024)** atau **MUET/C6 (Pindaan 2024)**, sila klik **di sini**.

7 PENYATA PENDAFTARAN MUET (MUET/PP)

- 7.1 Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran Calon (MUET/PP). Pihak sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu hendaklah **mencetak/menyimpan MUET/PP dalam format pdf** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran MUET masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya MUET/PP gagal dicetak/disimpan.**
- 7.2 Jika terdapat sebarang pindaan pada nombor pengenalan diri atau ejaan, calon sekolah/institusi perlu mengemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/ Penyelaras institusi untuk dikemaskinikan secara manual di MPM. Sila rujuk **para 11** untuk memohon pembetulan maklumat.
- 7.3 Bagi Calon Persendirian Individu pula, calon perlu mengemaskinikan butiran pendaftaran sendiri secara manual dengan menghantar borang permohonan ke MPM dengan menyertakan bersama salinan pengenalan diri dan MUET/PP yang silap tersebut. Sila rujuk **para 11** untuk memohon pembetulan maklumat.
- 7.4 Calon dikehendaki akses ke pautan <https://www.youtube.com/watch?v=955xJ2Jjh14> untuk menonton video pengajaran komprehensif bagi membantu persediaan ujian MUET *Speaking*.

8 TARIKH PENDAFTARAN DAN TARIKH UJIAN MUET

Kalendar MUET tahun semasa dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM di <https://www.mpm.edu.my/pautan-pantas/kalendar-peperiksaan/muet-2026> untuk mengetahui tarikh pendaftaran, tarikh ujian *Speaking*, dan tarikh Ujian Bertulis.

9 ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN MUET

- 9.1 Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D).

TERHAD

- 9.2 Penempatan Calon Persendirian Individu di sesebuah pusat ujian MUET adalah tertakluk kepada kelulusan SPP, JPN. SPP, JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat ujian lain selain daripada pusat ujian yang telah dipilih.
- 9.3 SPP, JPN juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat ujian lain jika difikirkan bilangan calon di sekolah/institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut, serta perlu dibuat perbincangan/perundingan dengan Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi yang berkenaan sebelum tindakan ini diambil.

10 SLIP DAFTAR MUET (MUET/D)

- 10.1 Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki ujian MUET akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MUET (MUET/D) melalui portal MPM atau pautan terus di <http://mecea.mpm.edu.my/MUETD> **6 minggu sebelum tarikh ujian**. Jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D, sila hubungi terus MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) di talian 03-61261661/1665 atau e-mel ke muet@mpm.edu.my dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi masing-masing.
- 10.2 Calon Persendirian Individu perlu **menyemak dan mencetak MUET/D sendiri dan membawanya ke pusat ujian** pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian, manakala calon sekolah/institusi hanya perlu menyemak MUET/D masing-masing. SUP/penyelaras sekolah/institusi hendaklah **menyediakan buku log** bagi memastikan semua calon telah menyemak MUET/D masing-masing dengan merekodkan dalam buku log tersebut.
- 10.3 Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor pengenalan diri, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian.
- 10.4 Calon dikehendaki akses ke pautan <https://www.youtube.com/watch?v=955xJ2Jjh14> untuk menonton video pengajaran komprehensif bagi membantu persediaan ujian MUET *speaking*.

11 PEMBETULAN MAKLUMAT CALON

- 11.1 Bagi calon sekolah/institusi, pembedulan maklumat hanya boleh dilakukan oleh SUP/Penyelaras MUET di pautan muet@mpm.edu.my. Bagi calon persendirian, pembedulan maklumat bagi nama, bangsa, dan jantina boleh dibuat melalui pautan <https://muetj3.mpm.edu.my/home>. Namun untuk pembedulan bagi nombor kad pengenalan, calon perlu mengisi borang MUET/C9 dan menghantarnya ke MPM (u.p Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET).
- 11.2 Sekiranya calon gagal mengemaskinikan maklumat dalam tempoh pendaftaran dibuka, maka calon hendaklah melengkapkan **Borang Pembedulan Maklumat Calon [MUET/C9 (Pindaan 2025)]** yang boleh dicetak daripada portal MPM dan menghantarnya dengan **kadar segera** ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi masing-masing. Permohonan pindaan dalam tempoh pendaftaran **tidak dikenakan bayaran** dan calon juga akan mendapat MUET/D kelak dengan semua maklumat yang telah dipinda.

TERHAD

- 11.3 Permohonan pembetulan maklumat yang diterima **selepas tarikh tutup pendaftaran** akan dikenakan bayaran **RM50.00**. Bayaran caj perkhidmatan pembetulan maklumat calon hendaklah dibuat melalui Sistem Bayaran MPM di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/bayaranmpm> atau imbasan kod QR yang disediakan di borang MUET/C9. Sila hantarkan borang, slip/bukti bayaran, dan salinan kad pengenalan ke alamat e-mel muetc9@mpm.edu.my. **MUET/D dengan maklumat yang silap, sah digunakan untuk menduduki MUET**. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada **Ketua Pengawas** di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada **Sijil MUET** yang akan dikeluarkan kelak sekiranya MPM menerima borang MUET/C9 (Pindaan 2025) berserta bayaran RM50.00.
- 11.4 Calon hendaklah menggunakan nombor pengenalan diri yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas dan akan menyusahkan calon sendiri.
- 11.5 Bagi permohonan pembetulan maklumat selepas keputusan ujian MUET diumumkan sijil MUET masih belum tamat tempoh (lima tahun ke belakang), caj perkhidmatan sebanyak RM50.00 dikenakan. Calon boleh memohon untuk mencetak sijil MUET yang baharu dari aplikasi e-Sijil di portal MPM.
- 11.6 Bagi permohonan pembetulan maklumat bagi sijil MUET yang sudah tamat tempoh (selepas lima tahun), caj perkhidmatan RM60.00 dikenakan. Calon juga perlu menghantar kembali Sijil MUET yang asal dan memohon Sijil MUET yang baharu dengan melengkapkan dan menghantar juga Borang Permohonan Sijil MUET (MPM/S2) dan pembetulan maklumat baharu akan dibuat pada salinan Sijil MUET tersebut.

Untuk mendapatkan borang **MUET/C9 (Pindaan 2025)**, sila klik **di sini**.

12 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

- 12.1 Perpindahan dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain **adalah sangat terhad** dan bergantung kepada kapasiti pusat ujian yang masih mempunyai kekosongan dan boleh menampung calon selepas pusat ujian dikemas kini. Calon hendaklah memohon secara dalam talian melalui pautan https://apps.mpm.edu.my/pp_muets/public/register.
- 12.2 Permohonan perpindahan pusat ujian ini adalah untuk **SEMUA KERTAS** (*Listening, Speaking, Reading, dan Writing*).
- 12.3 Bayaran perpindahan pusat ujian MUET untuk calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi warnagegara dan bukan warganegara ialah bayaran sebanyak **RM60.00**.
- 12.4 Permohonan pindah pusat ujian dibuka dalam tempoh **tujuh (7) hari** daripada tarikh MUET/D mula dimuatnaik di portal MPM.
- 12.5 Calon yang berjaya menukar pusat ujian hendaklah menyemak MUET/D baharu yang akan dikemaskinikan di portal MPM **dua minggu selepas permohonan ditutup**. MUET/D yang terdahulu adalah **terbatal**.

13 PERTUKARAN TARIKH UJIAN SPEAKING

- 13.1 Calon tidak dibenarkan menukar tarikh ujian *Speaking* tanpa kebenaran MPM.
- 13.2 Permohonan pertukaran tarikh ujian *Speaking* bagi calon sekolah/institusi mestilah dibuat melalui SUP/Penyelaras ke alamat e-mel tukartarikh@mpm.edu.my.
- 13.3 Permohonan tukar tarikh ujian *Speaking* yang telah diluluskan akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**.

TERHAD

14 PENARIKAN DIRI

- 14.1 Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian MUET dikehendaki mengisi **Borang Calon Menarik Diri [MUET/C4 (Pindaan 2024)]** yang dapat diperolehi dan dicetak dari portal MPM. Borang yang telah lengkap diisi oleh calon atau wakilnya hendaklah dihantar ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) selewat-lewatnya **sebulan sebelum** ujian kertas pertama **bermula**. Calon sekolah/institusi perlu mendapatkan pengesahan daripada Pengetua/Ketua Jabatan/Penyelaras MUET masing-masing sebelum menghantar borang ke MPM.
- 14.2 Calon yang menarik diri tidak akan dikembalikan yuran ujian **kecuali**
- 14.2.1 calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kerajaan hendaklah dikemukakan)
 - 14.2.2 calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya)
 - 14.2.3 calon yang berjaya menyambung pelajaran ke IPTA/IPTS (salinan surat tawaran hendaklah dikemukakan oleh calon)
 - 14.2.4 atas sebab yang munasabah, tertakluk kepada keputusan MPM.
- 14.3 Calon/Waris yang ingin menuntut pengembalian yuran MUET hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif MPM (u.p.: **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) berserta bukti pembayaran yang sah dalam tempoh **30 hari** dari tarikh ujian tamat.
- 14.4 Jumlah yuran dikembalikan akan ditentukan oleh MPM dan yuran hanya akan dikembalikan selepas sesuatu sesi ujian tamat. Pengembalian yuran ujian yang dimohon selepas **30 hari** sesuatu ujian itu tamat **tidak** akan dilayan.
- 14.5 Pada dasarnya, calon yang memohon untuk menangguh daripada menduduki ujian MUET adalah tidak akan dilayan, namun SPP, JPN atau pihak sekolah/institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) untuk tindakan selanjutnya.
- Untuk mendapat borang **MUET/C4 (Pindaan 2024)**, sila klik **di sini**.

15 KEPUTUSAN UJIAN MUET

- 15.1 Tarikh pengumuman keputusan ujian MUET akan diumumkan oleh MPM melalui portal/*Facebook/Instagram* rasmi MPM.
- 15.2 Calon boleh menyemak keputusan ujian MUET (sesi semasa) melalui portal MPM atau pautan terus di <https://mecea.mpm.edu.my/MUETR> atau melalui **SMS** dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>nombor kad pengenalan** dan hantar ke **15888** mulai jam 10:00 pagi pada tarikh keputusan MUET diumumkan.
- 15.3 Slip keputusan ujian MUET boleh dimuat turun dan dicetak melalui pautan yang sama.

16 SIJIL MUET SECARA DALAM TALIAN (e-Sijil)

- 16.1 Calon boleh memuat turun dan mencetak Sijil MUET secara dalam talian (e-Sijil) melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <https://www.mpm.edu.my>. Tiada lagi Sijil MUET dalam bentuk salinan cetak atau salinan keras (*hardcopy*) akan dikeluarkan dan dihantar kepada calon oleh MPM. Penggunaan e-Sijil ini turut terpakai kepada calon yang menduduki MUET secara kaedah *MUET on Demand* (MoD) dan *MUET Express* (MeX).
- 16.2 Calon boleh memuat turun dan mencetak sendiri e-Sijil masing-masing mulai jam **3:00 petang** pada tarikh keputusan ujian MUET diumumkan.

TERHAD

- 16.3 Manual untuk memuat turun dan mencetak e-Sijil untuk rujukan calon disediakan dalam sistem e-Sijil.
- 16.4 Walau bagaimanapun, calon masih boleh memohon Sijil MUET dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) daripada MPM, tetapi caj sebanyak **RM60.00** (termasuk caj pengeposan) akan dikenakan. Permohonan bagi mendapatkan Sijil MUET dalam bentuk salinan cetak terdapat dalam sistem e-Sijil.
- 16.5 Calon boleh memuat turun dan mencetak e-Sijil MUET tahun semasa dalam tempoh **dua tahun** dari tarikh keputusan MUET dikeluarkan secara **percuma**. Sehubungan itu, calon dinasihatkan untuk memuat turun dan menyimpan e-Sijil MUET tahun semasa masing-masing bagi mengelakkan calon dikenakan caj selepas tempoh tersebut. Ini kerana selepas tempoh dua tahun tersebut, permohonan untuk memuat turun e-Sijil MUET tahun semasa akan dikenakan caj sebanyak **RM20.00**.
- 16.6 Melalui sistem e-Sijil juga, calon boleh menyemak keputusan ujian MUET sesi sebelum yang telah diduduki untuk tempoh **lima tahun ke belakang**. Walau bagaimanapun, caj sebanyak **RM20.00** akan dikenakan sekiranya calon berhasrat untuk memuat turun e-Sijil bagi MUET yang telah diduduki untuk tempoh **dua tahun ke belakang** (sistem muat turun akan dibuka dalam tempoh 48 jam selepas bayaran dibuat). Caj sebanyak **RM60.00** juga akan dikenakan sekiranya calon memohon agar MPM membekalkan salinan cetak Sijil MUET melalui sistem e-Sijil.
- 16.7 Bagi calon yang ingin mendapatkan Sijil MUET untuk tempoh yang **melebihi lima tahun ke belakang**, calon hendaklah membuat permohonan ke MPM dengan melengkapkan borang **Permohonan Salinan Sijil MUET (MUET/S2)** yang boleh dimuat turun melalui pautan <https://www.mpm.edu.my>.

Untuk mendapat borang **MUET/S2**, sila klik **di sini**.

17 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MUET

- 17.1 Calon yang kurang berpuas hati dengan keputusan ujian MUET yang diperoleh boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan. Caj bagi rayuan penyemakan semula ialah **RM90.00**.
- 17.2 Tarikh permohonan rayuan penyemakan semula ujian MUET boleh dirujuk pada portal MPM.
- 17.3 Permohonan adalah secara dalam talian di portal MPM atau pautan terus di https://mecea.mpm.edu.my/muet_ss. Bayaran bagi permohonan ini adalah seperti yang dinyatakan pada para 17.1 dan secara perbankan internet.
- 17.4 Keputusan rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET boleh disemak di portal MPM atau pautan terus di https://mecea.mpm.edu.my/muet_ss/status selepas **20 hari** dari tarikh tutup permohonan. Sekiranya keputusan calon berubah, MPM akan mengemas kini maklumat keputusan calon dan calon boleh mendapatkan e-Sijil yang terkini di pautan <https://sijil.mpm.edu.my>. Calon boleh merujuk di perenggan 15.1 sekiranya ingin mendapatkan sijil cetakan MPM (salinan cetak).

18 KEHILANGAN SIJIL MUET

- 18.1 Calon yang kehilangan Sijil MUET fizikal boleh mendapatkan Sijil MUET melalui sistem e-Sijil di pautan <https://sijil.mpm.edu.my>. Walau bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan Sijil MUET melalui e-Sijil adalah terhadap kepada ujian MUET yang telah diduduki dalam **tempoh lima tahun ke belakang** sahaja.
- 18.2 Bagi calon yang ingin mendapatkan Sijil MUET untuk tempoh yang **melebihi lima tahun ke belakang**, calon hendaklah membuat permohonan ke MPM dengan melengkapkan borang **Permohonan Salinan Sijil MUET (MUET/S2)** yang boleh dimuat turun melalui pautan <https://www.mpm.edu.my>.

Untuk mendapat borang **MUET/S2**, sila klik **di sini**.

TERHAD

TARIKH-TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON UJIAN MUET SESI 2 TAHUN 2026

Bil.	Tarikh bagi jenis calon		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon jenis 3)	
1	9 Mac 2026	9 Mac 2026	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi ujian MUET Sesi 1 Tahun 2026 secara dalam talian dibuka .
2	13 April 2026	13 April 2026	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi ujian MUET Sesi 1 Tahun 2026 secara dalam talian ditutup .
3	19 April 2026	19 April 2026	Penerimaan Borang CBK/CBPK dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6 (Pindaan 2024)] dan Calon Cacat Penglihatan [MUET/C5 (Pindaan 2024)] dari SUP/PPD/JPN (selewat-lewatnya seminggu selepas pendaftaran ditutup).
4	4 Mei 2026	4 Mei 2026	Slip daftar (MUET/D) dimuat naik ke portal Majlis Peperiksaan Malaysia, http://www.mpm.edu.my untuk disemak dan dicetak oleh SUP/Penyelaras Sekolah/Institusi (enam minggu sebelum tarikh ujian).
5	4 Mei 2026	4 Mei 2026	Tarikh buka permohonan perpindahan/pertukaran pusat ujian MUET (dalam tempoh enam hari dari hari pertama slip MUET/D dimuat naik).
6	8 Mei 2026	8 Mei 2026	Tarikh tutup permohonan untuk perpindahan/pertukaran pusat ujian MUET.
7	22 Mei 2026	22 Mei 2026	Penghantaran bahan SKAT, Rumusan Kemasukan Calon (RKC), slip meja, dan BJAP Ujian MUET Sesi 1 Tahun 2026 oleh MPM ke Jabatan Pelajaran Negeri (sebulan sebelum ujian bertulis).